



Harga bahan mentah dijangka stabil akhir Mac

Oleh Rosli Ilham - Februari 17, 2023 @ 8:21pm
bhnews@bh.com.my

KEMAMAN: Harga bahan mentah yang semakin meningkat dijangka kembali stabil akhir bulan depan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Senator Fuziah Salleh, berkata kadar inflasi makanan itu dijangka menurun berdasarkan ramalan penganalisis ekonomi.

"Penganalisis ekonomi meramalkan inflasi makanan domestik akan menurun kepada lima peratus berbanding ketika ini berada pada paras 6.8 peratus.

"Kita akui sekarang ini inflasi makanan agak tinggi dan berada di tahap tujuh peratus pada November lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir ke Jelajah Menu Rahmah di sini, petang tadi.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Azman Adam dan Pengarah (KPDN) Terengganu, Saharuddin Mohd Kia.

Fuziah berkata, beliau berharap dengan penurunan kadar inflasi makanan itu akan menstabilkan kembali harga barangan mentah termasuk ayam, daging dan sayur-sayuran.

"Kita juga mendapat maklum balas harga sayur berada pada trend menurun berdasarkan maklumat dan maklum balas daripada pekebun sayur di Cameron Highlands.

"Maklum balas yang kita perolehi tidak semua sayur mahal, ada sayur-sayuran yang turun harga," katanya.

Dalam pada itu, Fuziah berkata orang ramai terutamanya suri rumah dapat memanfaatkan aplikasi PriceCather untuk membuat perbandingan harga.

"Aplikasi itu dapat membantu pengguna mendapatkan barangan pada kadar harga paling rendah dan pengguna mempunyai pilihan serta merancang perbelanjaan mengikut kemampuan dan keadaan kewangan mereka.

"Kita boleh tengok kedai mana yang menawarkan harga terbaik dan murah dan jika Menu Rahmah tidak sesuai kerana perlu memasak, mereka dapat membeli barangan lebih murah di PriceCatcher terbabit," katanya